

# Pelajar jangan terlibat dengan aktiviti tidak sihat: Musa

UB 04.09.2012 A2

Oleh **SITI AISYAH NARUDIN**  
aisyahub@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Pelajar institut pengajian tinggi (IPT) di negeri ini diingatkan agar tidak terlibat dengan sebarang aktiviti tidak sihat yang boleh merosakkan akal fikiran dan gagal dalam pelajaran.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman berkata, kesempatan dapat melanjutkan pelajar ke peringkat universiti perlu digunakan sebaiknya untuk memberi tumpuan dan fokus kepada pengajian yang diambil.

Menurutnya, pelajar seharusnya tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pelajar IPT.

“Universiti adalah tempat kita mendidik diri menjadi masyarakat yang berfikiran terbuka dan matang.

“Justeru, saya berharap peluang menuntut di universiti bukan sahaja memberi pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar.

“Malah ia membantu membentuk jati diri dan sahsiah untuk menjadi modal insan yang sempurna yang bakal memimpin negara

suatu hari kelak,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyampaikan amanatnya sebagai Pro Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) kepada mahasiswa baru UMS sesi akademik 2012/2013 di sini kelmarin.

Terdahulu dalam ucapannya, Musa turut menegaskan kerajaan negeri akan terus komited dan bekerjasama dengan kerajaan pusat dalam membantu segala usaha ke arah kemajuan dan peningkatan tahap pendidikan tinggi negara.

Jelasnya, sejak kewujudan UMS, pembangunan dan

kemajuan negeri bergerak seiring demi menampung keperluan ekonomi dan sosial pelajar.

“Implikasi positifnya juga memberi nilai tambah dan peningkatan taraf hidup serta ekonomi masyarakat sekitar.

“Pendek kata, UMS telah menjana satu transformasi dan pembangunan yang sangat pesat dalam tempoh yang sangat pantas di Sabah,” katanya.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh dan Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah.



**SEBAHAGIAN** mahasiswa baru UMS yang hadir untuk mendengar amanat daripada Musa. Gambar oleh ANIQ AZRAEI



**PELAJAR** berpeluang bermesra bersama Musa selepas majlis itu.